

Melanau Aku Tidak Pernah Menolak Takdirnya: Suatu Analisis dari Perspektif Teori Sosiologi

Melanau Aku Tidak Pernah Menolak Takdirnya: An Analysis from the Perspective of Sociology Theory

Sara Beden

Jabatan Pengajian Melayu
Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak
Jalan Datuk Mohd Musa
94300 Kota Samarahan
Sarawak, MALAYSIA

sara.beden@ipgmktar.edu.my

Received: 28 October 2021; **Accepted:** 30 December 2021; **Published:** 31 December 2021

To cite this article (APA): Beden, S. (2021). *Melanau Aku Tidak Pernah Menolak Takdirnya: Suatu Analisis dari Perspektif Teori Sosiologi*. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(2), 131-149. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.2.10.2021>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.2.10.2021>

ABSTRAK

Sesebuah karya sastera membolehkan masyarakat menjiwai unsur dan nilai dari segi kemanusiaan, kemasyarakatan, kebudayaan dan menanam perasaan bangga dan cinta kepada tanah air. Hal ini dikatakan demikian kerana sesebuah karya sastera memaparkan secara keseluruhan sosiobudaya dan sosioekonomi yang melatari sesebuah masyarakat. Walau bagaimanapun, kemelut dan pergolakan yang berlaku dalam masyarakat wajar dirungkai agar berupaya memperlihatkan perjuangan mereka khususnya dari sudut Sosiologi. Justeru, makalah ini bertujuan untuk menganalisis kandungan novel *Melanau Aku Tidak Pernah Menolak Takdirnya* karya Dahiri Saini (2020) dari segi penulis dan teks, isu-isu sosial dan kesannya kepada khalayak. Oleh sebab karya ini amat erat hubungannya dengan aspek sosial, maka kajian ini mengaplikasikan Teori Sosiologi dengan memberikan fokus kepada tiga daripada empat kaedah kritikan dalam teori ini, iaitu penulis dan teks, isu-isu sosial dan kesan teks kepada khalayak. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya dengan menganalisis kandungan teks. Dapatan analisis menunjukkan bahawa pengarang seorang yang prolific dalam berkarya dan memaparkan pemikiran perjuangan pelbagai kaum di Sarawak sebagai saluran aspirasi masyarakatnya untuk maju dan membangun. Novel kajian menzahirkan perjuangan masyarakat menerusi tindakan melestarikan sosiobudaya seperti adat, maruah dan warisan bangsa yang menjadi simbolik dalam kehidupan mereka. Sementara penyuguhan isu-isu sosial menginterpretasikan kepincangan yang berlaku dalam masyarakat sehingga menjejaskan sosioekonomi mereka. Teks ini juga memperlihatkan kesannya kepada khalayak kerana mengandungi unsur didaktik yang berupaya memperlihatkan fungsi sastera. Implikasinya, watak-watak yang diperagakan oleh Dahiri Saini mencitrakan impian dan aspirasi beliau untuk mengangkat dan memartabatkan kaum Melanau dalam pelbagai bidang sebagai kaum yang disegani di Bumi Kenyalang.

Kata kunci: *perjuanga; adat; warisan bangsa; isu-isu sosial; Melanau Aku Tidak Pernah Menolak Takdirnya*

ABSTRACT

A literary work enables a community to appreciate elements and values of humanity, society, and culture, as well as to cultivate their national pride. This is because a literary work depicts a general socio-cultural and socio-economical background of a community. Nonetheless, conflicts and struggles that occur in a community need to be unpacked and analysed further to reflect the community's fight specifically in the aspect of sociology. Hence,

this paper aims to analyse the content of the novel Melanau Aku Tidak Pernah Menolak Takdirnya by Dahiri Saini (2020) from the aspects of writer and text, social issues and their effect on audience. As the literary work is closely related to social aspect, the study used Sociology Theory and focused on three of the four criticisms of this theory, namely, the writer and the text, social issues, and effects of the text to its audience. This qualitative study used content analysis of the text. The findings of the study show that the writer is prolific and portrays the fight of various ethnic groups in Sarawak as a channel of his community's aspirations for advancement and development. The novel expresses the community's fight through sustaining its socio-culture such as customs, dignity, and heritage which are symbolic to them. The presentation of social issues indicates flaws in the community that affect their socio-economy. The text effects on its audience are evident in its didactic elements reflecting the function of literary works. The implication is that the roles presented in the novel by Dahiri Saini portray his dreams and aspirations to raise and dignify the Melanau people in various fields as a respected people in Bumi Kenyalang.

Key words: *fight; custom; heritage; social issues; Melanau Aku Tidak Pernah Menolak Takdirnya*

PENGENALAN

Mana Sikana (2009) mengetengahkan bahawa “kesusasteraan tidak dapat dipisahkan daripada masyarakat, begitu juga sebaliknya. Hubungan yang wujud antara sastera dengan masyarakat adalah berdasarkan kemiripan hubungan antara teori dengan praktis” (hlm.397). Hal ini membuktikan bahawa pengaruh masyarakat amat kuat atas faktor masyarakat mempunyai kuasa penentu terhadap penciptaan dan nilai sastera. Masyarakat tidak dapat dipisahkan dengan aspek sosiobudaya seperti cara, corak hidup, adat istiadat, adat resam, moral, kesenian, kepercayaan dan amalan yang menjadi identiti sesebuah masyarakat. Ratna (2007) menegaskan bahawa “novel dianggap sebagai karya sastera yang paling dominan dalam menampilkan unsur-unsur sosial. Unsur instrinsik dalam novel seperti tema, plot, latar, tokoh, watak, sudut pandangan dan gaya bahasa akan membincangkan isu-isu sosial yang melingkar dalam masyarakatnya” (hlm.335). Justeru, dalam sesebuah karya sastera terpancar dan tercermin aspek sosiobudaya dan sosioekonomi masyarakat yang melingkunginya. Hakikatnya, sastera cerminan hidup masyarakat bukan sekadar ungkapan, sebaliknya merupakan sebahagian realiti kehidupan. Oleh itu, karya sastera mestilah merakam dan mengekspresikan kejadian yang berlaku secara realiti dalam sesebuah masyarakat sehingga menjadi bahan penyelidikan. Hashim Awang (1997) merincikan bahawa kesusasteraan dan sosiologi mempunyai beberapa persamaan. Sosiologi adalah bersifat saintifik kerana mengkaji manusia dalam masyarakat, mengkaji institusi-institusi sosial dan proses sosial; mengkaji untuk menjawab pertanyaan bagaimana kemungkinan wujud masyarakat, bagaimana masyarakat itu berjalan, mengapa masyarakat itu berkekalan. Tambah beliau, institusi-institusi sosial, agama, ekonomi, politik dan kekeluargaan menjadi kajian. Berdasarkan perincian tersebut, dapatlah diperjelas bahawa terpancarlah perlukisan dan fahaman masyarakatnya dari pelbagai sudut termasuklah budaya, politik, ekonomi, pendidikan dan sebagainya.

Berhubung kait dengan fungsi sastera, Sara Beden (2020) menegaskan bahawa sastera berupaya menggali, memugar dan mencungkil pemaknaan yang mendalam termasuklah penelaahan nilai dan norma yang dihayati sesebuah masyarakat. Hal ini kerana sastera ialah rakaman kehidupan manusia sebagaimana yang terpapar dalam karya-karya sasterawan negara seperti Usman Awang, A. Samad Said, Shahnnon Ahmad, Noordin Hassan dan karyawan yang lain sejak tahun 1950-an. Lantaran itu, karya sastera bukan sahaja merakamkan sesuatu yang luar biasa tetapi perkara biasa berdasarkan dekad, subjek dan objek tertentu yang diolah dengan menggunakan daya kreativiti dan imaginasi yang estetik sifatnya. Pengolahan dan penciptaan tersebut bukan fiksyen semata-mata namun berfungsi untuk membina, membela dan mengkritik kepincangan yang berlaku dalam masyarakat. Kritikan bertujuan untuk membawa transformasi dari segi lahiriah, rohaniah dan pembangunan minda bagi mencapai kehidupan yang sejahtera dalam masyarakat menerusi pemugaran isu-isu sosial. Talib Selamat (2010), memperjelas bahawa isu sosial bermaksud persoalan besar yang berlaku dalam masyarakat pada era tertentu yang menjadi fokus perbincangan dan mempengaruhi pemerintah dalam menentukan dasarnya untuk mengatasi isu tersebut. Justeru, makalah ini bertujuan untuk menganalisis kandungan novel *Melanau Aku Tidak Pernah Menolak Takdirnya* karya Dahiri Saini (2020) berdasarkan Teori Sosiologi dari segi penulis dan teks, isu-isu sosial dan kesannya kepada khalayak.

SOROTAN LITERATUR

Sorotan literatur dalam makalah ini memberikan fokus kepada kajian-kajian lepas dengan menggunakan Teori Sosiologi dalam merungkai teks sastera. Aziz Dwi Prakoso (2012) telah berjaya membongkar sikap golongan berkuasa berdasarkan kritik sosial yang terkandung dalam novel *Detik-detik Cinta Menyentuh* karya Ali Shahab dengan menggunakan Teori Sosiologi. Kajian ini mendapati bahawa tokoh pemegang kekuasaan dan kekayaan tidak dapat menunjukkan sikap bijaksana dan baik budi, malah sering berperilaku sewenang-wenangnya. Kritikan ini juga membongkar sikap golongan borjuis yang terkenal dengan gaya hidupnya yang mewah selain kritikan terhadap masalah diskriminasi dalam pekerjaan dan kehidupan seharian sehingga masyarakat berjuang untuk mendapatkan hak mereka.

Suraidah Othman (2010) pula telah membincangkan aspek sosial dalam drama-drama Mohamed Ghouse Nasuruddin yang telah diterbitkan dalam *Dewan Sastera* antara tahun 1980-an hingga tahun 2006. Kebanyakan drama menzahirkan kritikan terhadap sesuatu fenomena yang berlaku dalam masyarakat semasa berdasarkan Teori Sosiologi. Kajian ini meneliti pergolakan aspek sosial yang dipaparkan oleh pengarang menerusi perubahan tingkah laku segelintir masyarakat yang tidak lagi mengikut sistem sosial yang normal, menyebabkan berlakunya perubahan nilai masyarakat yang positif kepada negatif. Aspek-aspek kritikan yang diungkapkan menjurus kepada sikap golongan yang suka menyebarkan propaganda dan zalim, mengkhianati bangsa, mungkir janji, menyalahgunakan kuasa, suka berfoya-foya, melakukan penindasan, mengamalkan rasuah, percaya kepada perkara-perkara tahyul dan animisme, memiliki jati diri yang rapuh, materialistik dan suka mengampu. Kritikan-kritikan tersebut berupaya menjadi renungan dan iktibar kepada khalayak bagi menimbulkan kesedaran dalam masyarakat agar lebih peka terhadap situasi semasa serta kembali menjalani hidup berpaksikan kepada norma-norma kehidupan yang positif. Jelasnya, drama-drama Mohamed Ghouse Nasuruddin sememangnya sarat dengan kritikan sosial sebagai saluran untuk membuat teguran melalui sindiran tajam terhadap masyarakat terutamanya kepada para pemimpin atau ahli politik.

Che Abdullah Che Ya (2011) pula telah membuat penelitian terhadap antologi yang bertajuk *Anum Ranum* karya Razali Endun dengan menggunakan Teori Sosiologi. Dapatan memperlihatkan bahawa pengarang menyuarakan protesnya tentang orang Melayu yang sangat obsesi dengan kuasa dan kekayaan material. Rasuah dan penyalahgunaan kuasa menjadi amalan biasa dalam kalangan mereka sehingga mengabaikan tradisi lama seperti adat dan bahasa. Semua isu yang merangkumi budaya, ekonomi dan politik ialah pancaran tentang realiti yang wujud dalam masyarakat. Persoalan gila kuasa, penyelewengan dan imej negatif pemimpin dipaparkan oleh pengarang sama ada secara tersurat mahupun tersirat dengan menggunakan lambang-lambang yang dekat dengan khalayak pembaca.

Asmiaty Amat (2011) membuat penelitian terhadap novel *Ngayau* karya Amil Jaya yang memaparkan tradisi penggal kepala yang pernah berlaku di Sarawak suatu ketika dahulu dengan menggunakan Teori Sosiologi. Kajian ini mendapati bahawa pengarang berjaya menonjolkan tema tentang adat dan pantang larang masyarakat Dayak di Sarawak. Walau bagaimanapun, pengarang novel ini telah berjaya memperlihatkan keinginan dan harapannya sebagai seorang pencinta kedamaian untuk melihat permusuhan dan persengketaan kaum tidak berlaku di Borneo.

Sementara Sara Beden (2016) turut membongkar permasalahan dan kemelut kehidupan masyarakat Penan dalam novel *Suara dari Rimba* karya Jong Chian Lai dengan menggunakan Teori Sosiologi. Pengarangnya telah mengungkapkan permasalahan sosial yang merangkumi isu kemiskinan, pendidikan, protes sosial dan isu pembangunan minda selain budaya tradisi. Jong sememangnya memaparkan permasalahan masyarakat yang sudah semestinya tidak dapat dipisahkan daripada sistem dan kitaran kehidupan masyarakat yang menjadi objek penciptaannya dengan tujuan untuk membawa perubahan yang positif dalam kehidupan masyarakat tersebut. Berdasarkan dapatan, pengarang memperlihatkan penguasaan dan pengetahuan yang tinggi tentang budaya dan tradisi kehidupan masyarakat Penan sehingga dapat mempersembahkan sebuah kehidupan Penan secara realistik berlatarkan hutan belantara di Sarawak. Masyarakat ini terpinggir daripada arus pembangunan, pemodenan dan beranggapan mereka ditindas oleh pihak yang berkuasa apabila mereka disajikan dengan pembangunan.

Sara Beden (2020) turut mengkaji novel *Pindah* karya Jong Chian Lai dengan menggunakan Teori Sosiologi. Berdasarkan perspektif Sosiologi, pengarang telah mengungkapkan sosiobudaya

masyarakat Iban dalam *Pindah*. Perbincangan berdasarkan isu-isu sosial, protes sosial dan kesan kepada pembaca memperlihatkan kesatuan dan tautan yang utuh sebagai sebuah novel yang merincikan sosiobudaya masyarakat Iban di Bumi Kenyalang. *Pindah* memperlihatkan pertentangan atau konflik budaya antara golongan muda dan golongan tua yang berpegang teguh dengan adat dan tradisi warisan nenek moyang. Pengarang menzhahirkan bahawa masyarakat harus menyeimbangi pembangunan dan adat tradisi bagi mengecapi kemakmuran.

Noor Salawati Abu Bakar, Zubir Idris dan Shaiful Bahri Md. Radzi (2021) dalam kajian terhadap novel-novel Azizi Abdullah dari sudut sosioekonomi, mendapati bahawa aspek sosioekonomi telah mewujudkan perubahan dari aspek peluang kerjaya, citra dan peranan wanita serta penerimaan masyarakat terhadap penggunaan kaedah moden dalam amalan pertanian masyarakat desa. Hal yang demikian menunjukkan masyarakat desa telah menerima perubahan dan berusaha meningkatkan taraf kehidupan. Walaupun pengkaryaan novel menjadi pelantar kepada Azizi untuk menyuarakan kritikan, perasaan dan pandangan terhadap permasalahan-permasalahan persekitaran sosioekonomi masyarakat, namun beliau turut memperlihatkan berlaku anjakan taraf kehidupan masyarakat.

Sara Beden (2020) menegaskan bahawa “jendela Sosiologi bukan hanya menitikberatkan hubungan penulis dengan teks, isu-isu sosial, nilai teks dan kesan karya tetapi bertujuan untuk mengajak pembaca berfikir dengan mendalam” (hlm. 9). Sementara Ani Omar (2015) menegaskan bahawa “sosiologi juga menyentuh soal-soal yang berhubungan dengan perubahan masyarakat, baik secara beransur-ansur atau mengejut seperti revolusi, dan suatu jenis masyarakat kepada jenis yang lain, misalnya dari feudalisme kepada kapitalisme, juga tentang kesan-kesan daripada perubahan ini” (hlm.17). Berdasarkan perbincangan terhadap kajian-kajian di atas, dapat dirangkumkan bahawa sastera dan sosiologi memiliki simbiosis dalam memaparkan realiti kehidupan masyarakat dalam karya sastera. Penemuan-penemuan tersebut juga menyiratkan bahawa Teori Sosiologi memiliki kekuatan dan amat signifikan bagi merungkai pergolakan, kepincangan dan kemelut yang berlaku dalam masyarakat yang melatari sesebuah teks.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan memberikan fokus terhadap kajian teks dengan menggunakan Teori Sosiologi. Nasir (1992) menyatakan bahawa penelitian dengan menggunakan kaedah kualitatif bertujuan untuk mendeskripsi, memberikan gambaran, atau lukisan secara sistematis, tepat dan relevan dengan fenomena yang diselidik. Kajian teks ini berbentuk analisis deskriptif yang merujuk kepada beberapa proses, iaitu pembacaan secara keseluruhan terhadap novel *MATPMT* karya Dahiri Saini. Novel ini dipilih bertitik tolak atas faktor novel ini sarat dengan isu-isu sosial dalam masyarakat yang bersesuaian dengan Teori Sosiologi. Pembacaan secara mendalam atau *close reading technique* terhadap novel ini turut dilakukan secara berperingkat. Tarigan (1994) mentakrifkan *close reading* atau pembacaan teliti sebagai “teknik membaca yang digunakan untuk memperoleh pemahaman (sepenuhnya) atas suatu bahan bacaan” (hlm.3). Teknik bacaan ini membolehkan pengkaji mendapatkan perincian atas fakta-fakta yang terdapat dalam novel, memperoleh idea-idea pokok, memperoleh informasi tambahan dalam bacaan dan mendapatkan urutan atau susunan organisasi cerita dalam *MATPMT*. Peringkat akhir, merupakan analisis terhadap novel ini yang merangkumi penulis dan teks (latar, dorongan dan pemikirannya), isu-isu sosial yang disuguhkan oleh pengarang dan kesan teks kepada khalayak. Teks ini dianalisis berdasarkan watak perwatakan, pemikiran, budaya hidup dan peristiwa yang melatari novel ini sebagaimana yang dikreatifkan oleh pengarang dan relevan dengan Teori Sosiologi.

TEORI SOSIOLOGI

Kajian ini menggunakan Teori Sosiologi, iaitu pendekatan yang memberikan fokus terhadap aspek sosial dalam masyarakat yang melihat bahawa hubungan sastera dan masyarakat sangat erat. Al-Fatihah Md Adnan & Normaliza Abd Rahim (2014) menjelaskan bahawa kesusasteraan semestinya mendampingi masyarakat dan segala gambaran dalam karya mestilah menurut apa-apa yang terjadi

dalam masyarakat tersebut. Isinya haruslah mengenai isu dan permasalahan masyarakat, nilai-nilai institusi komuniti dan *world-view* keseluruhan masyarakat. Mana Sikana (2007) menjelaskan Teori Sosiologi sebagai wadah untuk menilai karya sastera dengan meneliti aspek sosial atau kemasyarakatannya dan menganalisis hubungan teks dengan isu politik, ekonomi, budaya dan aspek-aspek yang membangunkan masyarakat. Jelasnya, sosiologi tidak dapat dipisahkan dengan masyarakat. Sosiologi menurut Giddens (1987) merujuk kepada “kajian tentang kehidupan sosial manusia, kelompok manusia dan masyarakat” (hlm.145). Sosiologi menjadi unsur yang menarik kerana perkara pokok ilmu ini berkisar tentang perilaku kita sendiri sebagai makhluk sosial. Ruang lingkup keilmuan sosiologi sangat luas, mulai dari analisis tentang pertemuan antara individu sampai kepada penelitian proses sosial di seluruh dunia. Haron Daud (1998) pula menyatakan bahawa “sosiologikal cuba meneliti segala aspek masyarakat termasuklah unsur dalaman karya khususnya aspek perwatakan yang memperlihatkan peribadi watak yang ditentukan oleh masyarakat dan alam sekeliling” (hlm.196). Rumusnya, garis-garis dasar Teori Sosiologi merungkai betapa rapatnya hubungan antara karya dengan corak, budaya, cara masyarakat berfikir dan bertindak untuk menjaga kepentingan masyarakat agar mencapai kesejahteraan.

Mana Sikana (2009) menjelaskan bahawa ilmu falsafah dan kemajuan terutama yang dikemukakan oleh Aguste Comte (1978) memperlihatkan bahawa sosiologi ialah ilmu tertinggi yang patut dipelajari, maka penciptaan dan kritikan sastera juga wajar berteraskan sosiologi. Sosiologi lahir bertitik tolak daripada gerakan realisme dalam kesusasteraan sebagai reaksi terhadap perkembangan ilmu sosiologi yang dianggap saintifik dan cuba memberontak terhadap golongan romantik dan idealisme pada abad ke-18. Sastera sebagai cerminan masyarakat merupakan ungkapan keramat dalam Teori Sosiologi yang mengkomunikasi maksud bahawa sastera memberikan gambaran tentang masyarakat, budaya dan sejarah. Auguste Comte (1798) mengutarakan bahawa kesusasteraan semestinya mendampingi masyarakat dan segala gambaran mestilah menurut apa-apa yang terjadi dalam masyarakat pada ketika itu. Beliau turut memberikan penekanan bahawa aspek-aspek sosial amat penting dalam usaha seseorang rakyat atau individu menjadi anggota masyarakat yang berguna, bertanggungjawab demi kepentingan masyarakat umum.

Teori Sosiologi menganggap karya sastera sebagai dokumentasi sosial kerana merakamkan hal ehwal ekonomi, politik, corak, amalan, struktur dan jati diri dalam kehidupan sesebuah masyarakat. Karya sastera dianggap sebagai dokumentasi sosial bertitik tolak daripada konsep sastera sebagai refleksi dan projeksi dari realiti masyarakat. Dalam hal ini, sosiologi dan sastera mempunyai hubungan yang erat. Sastera merupakan medium untuk mendokumentasikan persoalan dan isu sosial yang menjadi cerminan secara langsung dari pelbagai sudut struktur sosial, hubungan keluarga, pertentangan kelas, organisasi serta corak kehidupan masyarakat. Sementara sosiologi pula dapat memperlihatkan tema-tema fenomena masyarakat secara berkesan kerana pendekatan ini sememangnya menggambarkan kehidupan dan pergolakan dalam masyarakat. Mana Sikana (2009) berpendapat bahawa mendekati karya sastera dengan Teori Sosiologi ini menyaksikan manusia bergerak ke arah perubahan sosial dengan melakukan kritikan sosial terhadap ketidakadilan dan kezaliman dengan harapan lahirnya masyarakat yang berdaya saing, progresif dan dinamis. Pengarang yang menghasilkan karya merupakan seorang komuniti yang bertindak mewakili perjuangan masyarakatnya dengan melukiskan pengalaman dan peristiwa yang relevan. Justeru, Teori Sosiologi menyimpulkan bahawa karya sastera adalah sebagai dokumentasi sosial kerana sarat dengan perjuangan dan penceritaan hal-hal kemasyarakatan yang membentuk dan mencitrakan landskap masyarakatnya.

Teori Sosiologi mempunyai empat kaedah kritikan. Pertama, membicarakan latar belakang penulis, pemikiran dan faktor yang mendorong seseorang penulis menghasilkan karya. Kedua, menganalisis isu-isu sosial dalam karya sastera. Karya yang dibaca berdasarkan pendekatan ini tidak terlepas dari isu-isu sosial sama ada yang kecil mahupun besar, dalam masyarakat kota, desa, moden mahupun yang mundur. Ketiga, teori ini menekankan nilai dalam konteks sosialnya dengan meneliti teks dalam konteks pencerminannya, teks sebagai dokumentasi sosial dan unsur-unsur protes sosialnya. Keempat pula menganalisis aspek kesan dan pengaruh karya terhadap masyarakat. Penelitian dibuat terhadap kesan positif dan pengaruh karya kepada cara hidup pembaca berdasarkan wawasan dan unsur didaktik yang diketengahkan oleh pengarang.

Ringkasnya, kajian ini dibataskan dengan menggunakan tiga daripada empat kaedah kritikan dalam Teori Sosiologi, iaitu penulis dan teks (latar, dorongan dan pemikirannya), isu-isu sosial yang disuguhkan oleh pengarang dan kesan teks kepada khalayak.

DAPATAN

Berdasarkan analisis, didapati novel *MATPMT* dan novel-novel yang lain memperlihatkan bahawa pengarang seorang yang prolific dalam berkarya dan memiliki gaya kepengarangan tersendiri. Pemikiran tentang perjuangan kaum Melanau amat signifikan dalam usaha menempatkan kaum mereka agar duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan kaum lain di Bumi Kenyalang. Pengarang memperlihatkan kekuatan dalam merincikan perjuangan kaum ini menerusi warisan bangsa seperti adat, tanah, pendidikan dan maruah bangsa. Sementara isu-isu sosial merangkumi isu dendam kesumat, isu kewujudan golongan oportunistik, isu pengkhianatan bangsa, isu penindasan, isu alam sekitar, isu fitnah, isu kemiskinan dan isu kepincangan nilai moral yang berupaya menzahirkan kepincangan dan pergolakan sosial yang berlaku dalam kalangan masyarakatnya. Kesan teks kepada khalayak pula memperlihatkan kesan negatif dan positif yang mencitrakan unsur didaktik dan berupaya menjadi pengajaran mahupun teladan kepada masyarakat dalam usaha memajukan diri, keluarga dan bangsa.

PERBINCANGAN

Perbincangan analisis dalam makalah ini dipapar berdasarkan urutan tiga kaedah analisis dalam Teori Sosiologi yang digunakan sebagai landasan analisis. Perbincangan tentang kaedah pertama memberikan fokus kepada penulis dan teks; yang merangkumi latar pengkaryaan penulis, dorongan dan pemikirannya. Seterusnya, kaedah kedua tentang isu-isu sosial yang menjadi punca pergolakan dan kemelut yang dihadapi kaum Melanau dalam meneruskan survival mereka. Perbincangan kaedah analisis ketiga memberikan fokus kepada kesan teks kepada khalayak.


Penulis dan Teks

Dahiri Saini merupakan seorang pengarang yang prolific di Bumi Kenyalang dan novel terkini beliau ialah *Melanau Aku Tidak Pernah Menolak Takdirnya (MATPMT)* yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2020. Beliau mula menulis pada tahun 1990 dan pernah menjadi penulis kreatif dalam beberapa buah akhbar tempatan. Dahiri menulis pelbagai jenis genre sastera seperti puisi, cerpen, novel, skrip drama / cereka televisyen, rencana dan esei. Karyanya banyak tersiar dalam majalah *Dewan Sastera, Dewan Budaya, Dewan Bahasa, Dewan Masyarakat, Utusan Malaysia, Berita Harian, Majalah Wanita dan Keluarga*. Kumpulan puisi persendirian *Subuh Yang Lain* (2001), kumpulan cerpen persendirian *Merentas Minda* (2004) telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Novel *Cinta & Inspirasi* (2004) dan *Bunga-Bunga Cinta* (2006) telah diterbitkan oleh Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. Naskhah drama *Jeda Nur Iman* turut diterbitkan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2007. Di samping itu, beliau juga aktif sebagai penggiat seni budaya dan sastera yang melibatkan acara seperti baca puisi, teater, budaya, serta dalam hal-hal yang berkaitan dengan kesusasteraan, kesenian dan kebudayaan di Sarawak.

Dahiri seorang pengarang yang memiliki gaya naratif yang menzahirkan ciri inovatif dalam penghasilan karya kerana menunjukkan keberanian dan usaha membuat penerokaan, pembongkaran, penyelidikan, pembacaan dan pemerhatian sehingga berkeupayaan merincikan pergolakan dalam sesebuah masyarakat yang menjadi objek penciptaannya. Sifat dan ciri tersebutlah yang mendorong beliau untuk berkarya dengan produktif. Walaupun beliau bukan berasal dari kaum tersebut, namun sifat inovatif dan keberanian telah mengupayakan beliau mewakili aspirasi dan suara kegelisahan kaum-kaum lain yang terdapat di Bumi Kenyalang. Hal ini disurat dan disiratkan dalam novel-novel beliau seperti *Loagan Bunut* (2013), *Anak Long Kejaman* (2017), *Pasungan* (2015) dan *Melanau Aku Tidak Pernah Menolak Takdirnya* (2020). Dalam novel-novel tersebut, beliau membuat kritikan membina selain mewakili suara dan aspirasi masyarakat untuk membangun dan maju seiring dengan arus pembangunan. Dalam *Loagan Bunut* (2013) beliau mewakili kebangkitan suara anak muda bagi tiga suku kaum, iaitu Berawan, Iban dan Penan di Loagan Bunut untuk mempertahankan maruah bangsa dan tanah pusaka mereka daripada jatuh ke tangan Tauke J.R dan Tuan Do yang begitu rakus memperkosa keindahan alam semulajadi dan mengaut keuntungan di Loagan Bunut. Sementara dalam novel *Pasungan* (2015), beliau menyuarakan kritikan tentang kehidupan masyarakat di Samarahan yang

terlalu taksab dengan kepercayaan tahyul sehingga melakukan perbuatan syirik, iaitu memiliki jin hitam untuk mendapatkan kekuasaan dan memenuhi tuntutan hawa nafsu. Seterusnya, beliau mengorak langkah dengan mewakili suara kegelisahan anak muda dan merungkai kepincangan sosial yang berlaku dalam kalangan kaum Kejaman di Long Segaham dalam novel *Anak Kejaman Long Segaham* (2017). Dalam novel ini juga, beliau menyuarakan aspirasi pembangunan menerusi suara anak muda yang menghadapi dilema untuk mengubah nasib kaumnya agar mendapat pendidikan yang relevan dengan dunia semasa.

Sementara dalam *MATPMT* (2020) sekali lagi beliau bergerak secara sedar untuk menyingkap dan menyuarakan pergolakan, kemelut sosial dan isu ekonomi yang berlaku dalam kalangan kaum Melanau di Sarawak. Walau bagaimanapun, dalam *MATPMT* Dahiri bukan sahaja menyelongkar perjuangan masyarakat, malah menggali dengan mendalam aspek warisan tradisi yang dipertahankan oleh kaum Melanau di muara Sungai Rajang. Morris (1989) mengatakan bahawa orang Melanau telah menggelarkan diri mereka *a-likou* yang bermaksud orang yang tinggal di sungai atau sebahagian daripadanya. *A-likou* Uya merujuk semua orang yang tinggal di sungai Oya dan *a-likou* Medong merujuk kepada penduduk kampung Medong. Sungai Rajang terletak di Bahagian SibU Sarawak yang menjadi latar penceritaan pengarang sebagaimana dalam peta di bawah:



Rajah 1: Peta Negeri Sarawak

MATPMT memaparkan luahan jiwa, aspirasi minda, deskripsi fikiran dan harapan pengarang terhadap pembangunan dan kemajuan khususnya dalam kalangan masyarakat Melanau di Bumi Sarawak. Watak-watak diperagakan dengan peranan, prinsip, pegangan dan tindak tanduk tersendiri dalam binaan plot yang kronologis sifatnya. *MATPMT* menyuguhkan pemikiran tentang perjuangan sosial sesebuah bangsa dalam menghadapi kemelut sosiobudaya dan sosioekonomi yang membelenggu kaum Melanau di Bumi Kenyalang. Faziela Abu Bakar @ Che Din dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2015) menjelaskan bahawa karya sastera merupakan pemikiran dan imaginasi seseorang pengarang yang menyentuh mengenai nilai dan norma dalam kehidupan manusia. Sesuai dengan sifat karya sastera yang mimesis, khalayak dapat menemukan elemen-elemen yang diangkat dari kehidupan realiti, termasuk juga mengenai diri manusia. Sementara Zubir Idris (2011) pula mengatakan bahawa pengarang mewakili masyarakat dan cuba mengembalikan wibawa masyarakat melalui reaksi dan protes halus kepada pihak yang berkuasa. Berdasarkan Dalam *MATPMT*, elemen-elemen ini dimuatkan oleh pengarang sebagai renciah untuk memanifestasikan perjuangan sosial kaum Melanau.

Perjuangan dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2019) bermaksud “perihal berjuang untuk merebut (mencapai, mempertahankan) sesuatu” (hlm.639) manakala sosial pula bermaksud “segala yang berkaitan dengan masyarakat atau perihal masyarakat” (hlm.1518). Justeru, novel ini menelusuri perjuangan kaum Melanau mempertahankan warisan budaya, prinsip hidup dan unsur-unsur yang menjadi simbolik dalam kehidupan masyarakat mereka. Pemikirannya berkisar tentang perjuangan bangsa untuk kemajuan dan pembangunan dari segi fizikal mahupun minda dan subjek-subjek yang dihadirkan oleh pengarang merakyat sifatnya kerana membongkar kemelut dan pergolakan hidup yang dihadapi masyarakat Melanau pada era sudah merdeka. Dahiri Saini (2020) memperlihatkan kekuatan dalam menyingkap dan menyelongkar misteri perjuangan kaum Melanau yang bermula pada tahun

1939 semasa Pengiran Nuah atau *Bao-Mao* menjadi ikon penakluk lautan dan penakluk hutan, seterusnya Pengiran Nuah menurunkan warisannya kepada Wahyu dan berlarutan pada tahun 2017 apabila kedua-dua anak Wahyu, iaitu Firman dan Lestari berjaya dalam pendidikan dan menempa nama dalam kerjaya mereka. Perjuangan ini merangkumi ruang lingkup latar masa yang bermula pada tahun 1939 sehingga pada masa negara sudah mengecapi pelbagai kemajuan, iaitu pada zaman anak-anak Wahyu sudah mendapatkan pendidikan tinggi dan berjaya mengangkat martabat kaum Melanau.

Perjuangan Melanau dalam *MATPMT* menzahirkan kekentalan dan keutuhan semangat juang kaum ini dalam mendepani pergolakan dan kemelut kehidupan apabila wujud golongan dari kaum itu sendiri bertindak sebagai pengkhianat bangsa demi mengisi kantung laba dan berkiblatkan kebendaan. Semangat perjuangan semakin merajai dan mewaja apabila kaum Melanau yang diwakili keluarga Pengiran Nuah bertindak nekad mempertahankan warisan tradisi yang menjadi tunjang dan sendi maruah bangsa mereka. Tanah merupakan warisan tradisi kaum Melanau yang wajib dipertahankan sehingga ke titik terakhir. Misalnya, Wahyu menyamakan tanah dengan harga diri yang harus dijaga sebagaimana ungkapannya “Tanah adalah harga diri yang harus kita jaga, Kumunah” (Dahiri Saini, 2020, hlm.61). Hal ini bermakna pengabaian pada tanah akan mencemarkan maruah dan harga diri kaum Melanau. Watak Pengiran Nuah atau Bao Mao sering berpesan kepada Wahyu agar mempertahankan tanah sehingga Wahyu membulatkan tekad bahawa tanah yang dipajakkan arwah bapanya kepada Pengiran Biren harus ditebus walaupun halangannya besar. Pengiran Nuah juga memaknakan tanah sebagai maruah dan kehidupan mutlak yang tidak boleh diperlekeh dan dibiarkan tergadai kerana kehilangan tanah bermaksud kehilangan segala-galanya. Kata-kata azimat daripada Pengiran Nuah sering menghiasi fikiran Wahyu yang berbunyi “Jika kita kehilangan tanah dan adat, kita akan kehilangan segala-galanya, Wahyu. Tanah adalah maruah dan kehidupan mutlak kita, (Dahiri Saini, 2020, hlm. 164). Amanat dan azimat yang disuarakan Pengiran Nuah memperjelaskan bahawa tanah ialah simbol kekuatan bangsa yang harus dipertahankan oleh kaum Melanau. Pesanan Pengiran Nuah kepada Wahyu yang berbunyi, “Ingat Wahyu, tanah dan adat kita harus Wahyu pertahankan daripada dipersendakan oleh sesiapa” (Dahiri Saini, 2020, hlm. xxxv) menjadi pegangan dalam perjuangan Wahyu mempertahankan tanah milik arwah Pengiran Nuah yang akhirnya dilunasi anak-anaknya.

Ringkasnya, bertitik tolak daripada gaya dan naratif penciptaan yang menyuguhkan ciri inovatif dan sifat keberanian dalam penghasilan karya, telah mendorong Dahiri untuk berkarya dengan produktif dan mewakili suara pelbagai suku kaum di Sarawak termasuklah kaum Melanau. Novel ini amat erat hubungannya dengan sosiobudaya dan sosioekonomi masyarakat sebagaimana gagasan dalam Teori Sosiologi. Ungku Maimunah Mohd. Tahir (2006) menegaskan bahawa “sosiologi sastera difahami sebagai usaha untuk menyerlahkan masyarakat yang digambarkan dalam karya kreatif” (hlm.14). Justeru, dapat diperjelas bahawa *MATPMT* mencitra dan menyerlahkan perjuangan masyarakat Melanau dalam mengangkat maruah bangsa mereka. Adat, maruah dan tatasusila merupakan warisan bangsa Melanau yang tidak boleh digadai atau dijual beli. Ketiga-tiganya menjadi inti pati dalam pembentukan jati diri bangsa.

Isu-isu social

Isu-isu sosial berdasarkan Teori Sosiologi menyingkap permasalahan dan kepincangan sosial yang berlaku dalam sesebuah masyarakat. Isu sosial dalam novel *MATPMT* amat menyeluruh dan komprehensif berdasarkan tindak tanduk masyarakat Melanau di Kampung Muara Sungai Rajang. Aspek sosial menggambarkan keinginan masyarakat untuk hidup sejahtera dan saksama tetapi bebas daripada penindasan dan belenggu pihak yang menindas atau berkuasa. Hal ini bagi membolehkan masyarakat terlibat dalam proses pembangunan yang menjurus kepada kehidupan berkualiti dan bermaruah sebagai sebuah bangsa yang sudah merdeka. Isu-isu sosial merungkai permasalahan manusia kerana manusialah yang membentuk masyarakat dan hidup dalam suatu kelompok bagi memenuhi survival mereka. Pelbagai masalah dan isu yang sudah pasti akan diperjuangkan oleh masyarakat sebagai protes sosialnya dalam meneruskan survival mereka di muka bumi yang kadang-kadang tidak menyebelahi nasib mereka. Antara isu sosial yang mendominasi karya ini ialah isu dendam kesumat, isu fitnah, isu golongan oportunistik, isu penindasan, isu pengkhianatan bangsa, isu alam sekitar, isu kemiskinan dan isu kepincangan nilai moral. Isu-isu inilah yang memberikan impak terhadap sosiekonomi dan sosiobudaya kaum Melanau dalam *MATPMT*.

Isu dendam kesumat

Sapardi Djoko Damono (1979) menyatakan bahawa “Hasil sastera bukan hanya dianggap sebagai cermin tetapi sebagai dokumen yang memperlihatkan segala yang baik atau buruk dalam masyarakat” (hlm.21). *MATPMT* memaparkan sikap negatif masyarakat yang berdendam. Isu dendam kesumat diperlihatkan pengarang menerusi watak Sharif. Sharif merupakan manusia pendendam hanya kerana seorang wanita. Penolakan cintanya oleh Dayang Kumunah dengan memilih Wahyu berpuluh-puluh tahun yang lalu menyebabkan dendam Sharif masih membara. Sharif hilang sifat kemanusiaan kepada saudara sendiri. Akibat dendam, tali persaudaraan menjadi musnah dan mengundang permusuhan. Soal tanah bertukar menjadi permusuhan. Semuanya akibat dendam Sharif kepada Wahyu apabila Dayang Kumunah menolak cintanya. Dendam kesumat juga menyebabkan Sharif menolak permohonan maaf daripada Wahyu sehingga permintaan Wahyu agar Sharif menanggungkan bayaran pajakan tidak dihiraukan oleh Sharif. Semuanya disebabkan oleh penolakan cintanya oleh Dayang Kumunah. Isu dendam kesumat mendarah daging dalam jiwa Sharif hanya disebabkan seorang wanita sebagaimana dalam petikan berikut:

“Aku mohon pada kau, Sharif. Tangguhkan dulu hutang pajakan tersebut. Lagipun, kau bukan orang lain dengan aku, Sharif.” Rayu Wahyu.

“Segalanya hilang, Wahyu. Bila penolakan cinta aku kerana Dayang Kumunah berjaya mencuri cinta dan kasih sayang kau!” jerit Sharif.

(Dahiri Saini, 2020, hlm.31)

Dendam Sharif tidak padam dengan mudah walaupun ayahnya Pengiren Biren berwasiat agar Sharif memulangkan tanah milik arwah bapa Wahyu kepada Wahyu. Dendam kesumat Sharif berpanjangan kerana dia tidak dapat menerima takdir bahawa jodoh petemuan di tangan Tuhan. Tambahan pula, ketamakan akan keuntungan daripada projek mega yang cita-citakannya dengan tauke Tung Tung telah menebalkan dendam kesumat Sharif. Wasiat ayahnya sebelum meninggal dunia diabaikan sewenang-wenangnya akibat dendam dan ketamakan. Wasiat Pengiren Biren yang berbunyi “Kembalikan semula tanah milik mereka, Sharif,” (Dahiri Saini, 2020, hlm.70) seperti mencurahkan air ke daun keladi. Wasiat tersebut menyakitkan jiwa Sharif kerana dia tidak mahu melihat kebahagiaan dan kesenangan Wahyu.

Isu ini diberi penekanan yang signifikan oleh pengarang dalam *MATPMT* kerana dari awal lagi khalayak sudah disogokkan dengan sifat pendendam Sharif. Sharif mahu menghancurkan keluarga Wahyu sejak dari awal bab sehinggalah membawa kematian Wahyu dalam bab ke-15. Wahyu tetap berdendam setelah kematian ayahnya, Pengiran Biren dengan motif tidak mahu melihat kebahagiaan dan kejayaan Wahyu. Pengiran Biren sendiri tidak berupaya memprotes sikap dendam kesumat Sharif. Dendam kesumat menyebabkan Sharif mengarahkan dua orang suruhannya membakar perahu yang dibina oleh Wahyu dengan sepenuh jiwa dan daya keintelektualannya dalam ilmu pertukangan perahu.

Kemuncak dendam Sharif telah membawa kepada kematian tragis Wahyu apabila dia mengupah Juak dan Umaz membakar perahu yang dibina Wahyu walaupun bukan niatnya untuk membunuh Wahyu. Semua itu untuk mengajar Wahyu yang selalu beralasan untuk melunaskan hutang dan telah membantutkan projek mega ternakan ikan empuraunya dengan syarikat besar yang membawa keuntungan. Dalam konteks kemanusiaan, isu dendam kesumat tidak harus dibiarkan bermaharajalela dan mendarah daging dalam jiwa individu dan masyarakat kerana mengakibatkan nilai keinsanan “mati” di hati. Masyarakat sewajarnya menghindari dendam kesumat, sebaliknya menyuburkan batin mereka dengan keinsafan dan kemurnian hati nurani. Dendam Sharif memperlihatkan unsur “kejiwaannya yang sakit” untuk memuaskan hatinya sehingga meruntuhkan prinsip-prinsip kemanusiaan, sosial, adat dan moral dan menjadi petunjuk kepada keunggulan sifat kemanusiaan tidak berupaya untuk menghentikan dendam kesumatnya. Kebahagiaan dan kejayaan Wahyu dan keluarganya tidak dapat diterima malahan menyakit dan merisaukan Sharif lebih-lebih lagi Wahyu telah berjaya menghasilkan perahu yang menyerupai *Bahong* atau *Badong*, iaitu kapal tradisional kaum Melanau yang digunakan oleh mereka untuk mengembara dari Selat Melaka sehingga ke empayar besar Johor-Riau dan seterusnya ke kawasan Mindanao, Filipina suatu ketika dahulu. Sharif menyatakan “Memang kau dah gila dan gila dan gila, Wahyu!” Jerit Sharif. Dia benar-benar terkejut dengan kegahan dan keperkasaan perahu yang ditukangi Wahyu. Bentuk perahu yang seiras-iras *Bahong* atau *Badong*, tetapi lebih menarik lagi, setelah diberi bentuk dan ukiran yang baharu pada setiap

tiang haluan dan buritannya” (Dahiri Saini, 2020, hlm. 274). Sharif tidak menyangka bahawa Wahyu berjaya menukangi perahu yang begitu gagah dan perkasa itu. Kejayaan ini menyebabkan dendam Sharif semakin membara sehingga membawa kepada fitnah demi membalas dendam. Sikap berdendam melanggar norma dan sistem nilai dalam masyarakat kerana boleh menyebabkan pergaduhan.

Isu fitnah

Isu fitnah ini terbit akibat ketaksuban kepada kata-kata bomoh yang disulami dengan dendam kesumat. Sharif menfitnah Wahyu tanpa usul periksa hanya kerana dendam kesumatnya kepada Wahyu kerana penolakan cinta oleh Dayang Kumunah dan menganggap Wahyu menghalang projek meganya kerana tanah tersebut masih lagi nama arwah bapa Wahyu. Unsur fitnah yang dibuat watak Sharif dapat diteliti menerusi petikan-petikan berikut:

“Kau jangan nak berbuat baik dengan aku, Wahyu. Aku dah tahu kau yang mengarahkan *liko baliwan* supaya mengganggu bapa. Kau yang suruh *liko baliwan* melemahkan semangat bapa!” Sinis suara Sharif.

(Dahiri Saini, 2020, hlm.143)

“Kita tak boleh menuduh melulu, Sharif. Kita harus berfikir secara sedar,” balas Tuan Haji Mukmin. Tangannya memegang bahu Sharif semula. Sharif cuba mengelak daripada halangan tangan Tuan Haji Mukmin. Namun pegangan tangan Tuan Haji Mukmin tidak dapat dielaknya.

(Dahiri Saini, 2020, hlm.154)

Berdasarkan petikan pada halaman 143 dan 154, Sharif membuat tuduhan yang berunsur fitnah terhadap Wahyu bahawa Wahyu yang mengarahkan *liko baliwan* (penunggu atau hantu) supaya mengganggu bapanya sehingga Pengiran Biren seperti dirasuk hantu. Sharif terlalu mempercayai bomoh iaitu, *Dukan* yang melakukan upacara *a-bayoh* dan *payun* (*upacara berubat*). Upacara ini dijadikan kayu ukur Sharif untuk menuduh Wahyu menghantar makhluk penjelmaan, iaitu *amow* (penunggu jahat) sehingga ayahnya mengalami kecelaruan dan kesakitan yang akhirnya menemukan ajalnya. Walau bagaimanapun, pengarang menghadirkan watak Tuan Haji Mukmin sebagai penasihat yang cuba membetulkan pemikiran Sharif yang terpesong sebagaimana paparannya dalam petikan halaman 154. Tuan Haji Mukmin berusaha untuk menyedarkan Sharif agar tidak bertindak melulu. Kehadiran watak yang mendalami bidang agama, sekurang-kurangnya dapat menyeimbangi tanduk tanduk watak yang terlalu bersikap melulu dan mempercayai kepercayaan karut seperti Sharif. Sharif juga membuat fitnah yang mencemarkan maruah keluarga Wahyu sebagaimana dalam petikan:

Tapi, apabila kau memberitahu pada anak-anak aku, mengatakan mereka bukan dari darah daging aku, itu sudah cukup membuat aku hilang sabar, Sharif!”

“Anak kau tu memang anak luar nikah, Wahyu!” Tempelak Sharif sinis sambil matanya merenung tangan Wahyu yang kejam memegang ulu beliung.

(Dahiri Saini, 2020, hlm.198)

Petikan pada halaman 198 pula memperlihatkan fitnah Sharif bahawa anak-anak Wahyu ialah anak luar nikah. Perbuatan fitnah ini boleh memecah-belah dan menghancurkan keluarga Wahyu jika mereka hilang kepercayaan antara satu sama lain. Fitnah merupakan larangan dalam agama Islam kerana boleh meranapkan kepercayaan dan membunuh kebahagiaan serta memporak-perandakan hidup orang yang difitnah. Perbuatan Sharif sangat melampau dan mencemarkan imej mulia kaum Melanau. Tersiratnya, pengarang hendak mengkritik sikap negatif dan kerendahan sahsiah watak yang berupaya memusnahkan kebahagiaan orang lain.

Isu golongan oportunist

Isu ini diperhalusi menerusi sikap watak seperti syarikat-syarikat gergasi dan tauke-tauke licik yang berkiblatkan keuntungan dan dikenali pengarang sebagai “belut hutan” oleh pengarang. Golongan inilah

yang licik dan mengambil kesempatan kepada golongan yang lemah dalam mencapai hasrat dan cita-cita mereka sebagaimana diperlihatkan dalam petikan berikut:

Meskipun sekelilingnya sudah dimusnahkan secara senyap dengan adanya pembalakan haram oleh syarikat-syarikat gergasi dan kalis dek peran tauke-tauke yang licik memanipulasikan kancas lacur politik yang semakin ghairah dan mengelirukan. Merekalah, penjelmaan belut hutan yang setiap detik cuba untuk pengaruhi minda generasi muda, supaya memberontak dalam diam dengan sogokan duit. Merekalah yang sentiasa menjalarkan muslihat dan agenda tersembunyi bersama akar dan banir pokok-pokok hutan. Mereka bijak menukar emosi dan keadaan sesiapa sahaja dalam diam dan terancang. Segalanya kemas dan sempurna tanpa dapat dihidu oleh sesiapa!

(Dahiri Saini, 2020, hlm.38)

Golongan oportunis inilah yang menjadi ‘racun’ dan *ibarat api dalam sekam* meracuni minda anak bangsa demi kepentingan sendiri. Mereka mengambil kesempatan atas kelemahan dan kekurangan pengetahuan masyarakat Melanau di daerah itu. Golongan ini sentiasa menggunakan muslihat licik mereka untuk memperdaya minda generasi muda supaya memberontak dengan menyogokkan duit. Protes terhadap isu ini hanya bergema dalam pita suara Wahyu kerana Wahyu sendiri tidak berkeupayaan untuk mengambil tindakan.

Watak Sharif juga melambangkan golongan oportunist dalam kalangan masyarakat Melanau. Sharif mengambil kesempatan dengan mengaut keuntungan daripada pembinaan rumah-rumah kongsi di tanah di hujung kampung dengan kekayaan dan kekuasaan yang dimilikinya. Sharif juga mengambil kesempatan dengan merancang untuk menjual tanah hutan arwah bapa Wahyu kepada tauke Tung-Tung sebagaimana dalam petikan halaman 56 dan 60.

“Abang dengar, Sharif mendapat tender membekalkan bekalan peralatan rumah untuk dijadikan rumah-rumah kongsi pekerja yang akan datang untuk pembangunan di hujung kampung tu.” luah Wahyu pada Dayang Kumunah.

“Sharif tu memang ligat, bang,” sampuk Dayang Kumunah.

(Dahiri Saini, 2020, hlm. 56)

“Betul, Kumunah. Dalam perancangannya, supaya tanah hutan arwah bapa juga akan ditolak kepada tauke Tung-Tung tu,” balas Wahyu.

“Sharif bukan seorang melakukan perkara tersebut, Kumunah. Dia banyak kenal dengan orang dari pejabat tanah di pekan tu. Lagipun, perkara yang melibatkan tanah semua orang boleh menjadi kaya-raya, Kumunah.”

Suara Wahyu sedikit perlahan. Memang sebelum ini Wahyu tahu ada orang lain yang berdiri di belakang Sharif apabila melibatkan hal-hal yang berkaitan dengan membelah.

(Dahiri Saini, 2020, hlm. 60)

Berdasarkan petikan di atas, orang dari pejabat tanah di pekan juga termasuk dalam golongan oportunist yang bekerjasama dengan Sharif kerana mengambil kesempatan untuk mengaut kekayaan kerana tanah merupakan entiti yang mahal. Harga diri dan maruah kaum Melanau hilang dalam pertimbangan Sharif kerana godaan kemewahan. Wahyu juga maklum bahawa ada pihak lain yang berada di belakang Sharif dalam hal membelah kayu sehingga Sharif mengambil kayu-kayu yang dibelah Wahyu dan pembelah yang lain dengan harga yang rendah. Sharif bertindak sebagai ‘orang tengah’ dalam jual beli kayu. Sharif juga mengambil kesempatan atas kesusahan Wahyu. Tawaran harga kayu ditentukan Sharif tanpa tolak ansur kononnya mengikut perkiraan harga semasa. Sharif tetap tidak bertolak ansur walaupun Wahyu memintanya menaikkan harga atas keperluan pebelanjaan pengajian anak-anaknya. Sharif pasti Wahyu akan mematuhi syaratnya kerana Wahyu terpaksa, jadi kesempatan itu dimanfaatkan Sharif dengan mudahnya untuk mengenakan Wahyu walaupun mereka bersaudara. Golongan oportunist sewajarnya dibanteras dalam masyarakat kerana kewujudannya memberikan impak negatif kepada kehidupan ahli masyarakat sekali gus membawa kepada penindasan.

Isu penindasan

Pengiran Nuah meluahkan bahawa “Kaum Melanau bukan kaum penindas. Kaum Melanau penegak keadilan” (Dahiri Saini, 2020, hlm. xxxvi). Ungkapan ini menyiratkan pendirian dan prinsip hidup kaum Melanau yang diaspirasi generasi terdahulu agar berkesinambungan kepada generasi seterusnya sebagaimana pesan Pengiran Nuah kepada Wahyu dan Wahyu menyampaikan pendirian tersebut kepada anak-anaknya. Walau bagaimanapun, dalam kaum Melanau sendiri wujudnya golongan penindas yang menindas kaum sendiri yang diwakili watak Sharif sebagaimana dalam petikan berikut:

“Abang pun fikir begitu, Kumunah. Apa yang terlintas di fikiran abang, Sharif tu hendak menindas kita di sini. Lihat saja tanah Murat dan Anjang Len di hujung bukit tu sudah diterangkan oleh pembalak yang diupah Sharif. Kemudian tanah hutan bukit Ngah Husin juga sudah terjual, kerana Sharif tu memang licik menipunya. Dia mengatakan tanah tersebut di bawah *title* NCR akan diambil kerajaan dan pampasan nanti tak sebanyak dia dan tauke Tung-Tung tawarkan tu,” terang Wahyu. Dayang Kumunah berkerut dahinya, apabila mendengar apa yang dikatakan Wahyu.

(Dahiri Saini, 2020, hlm.59)

Sharif telah menindas kaumnya sendiri dengan menjadikan Murat, Anjang Len dan Ngah Husin sebagai mangsa penipuannya kerana kececekan pengetahuan mereka tentang hal ehwal pengurusan tanah. Oleh sebab tidak mengetahui selok belok tentang harga tanah, mereka *ibarat lembu dicucuk hidung* dengan mempercayai kata-kata Sharif yang memang pakar memanipulasi penduduk kampung demi mengaut keuntungan. Penduduk kampung dimomokkan bahawa pampasan daripada kerajaan tidak selumayan yang ditawarkan oleh dirinya dan tauke Tung-Tung dalam usahanya mendapatkan tanah penduduk kampung. Penindasan suatu kezaliman kepada hak orang lain dalam masyarakat yang sewajarnya dibanteras. Penindasan yang berlaku dalam masyarakat menzahirkan realiti kepincangan sosial dalam sesebuah masyarakat. Golongan yang berkuasa menindas golongan yang lemah sehingga mobiliti sosial masyarakat bawahan dalam bidang sosioekonomi membeku. Isu sosial ini sewajarnya diprotes kerana memundurkan tahap sosioekonomi sesebuah masyarakat.

Isu alam sekitar

Isu ini diperhalusi menerusi keluhan Wahyu kepada rakannya Tofan tentang kekesalannya terhadap pembangunan yang tidak dirancang oleh syarikat-syarikat yang tidak bertanggungjawab. Isu ini berkait erat dengan isu alam sekitar kerana pembangunan yang tidak terancang memberikan kesan kepada alam. Isu ini terdapat dalam petikan berikut:

“Tapi, jika pembangunan tu tak dirancang dengan betul, takut pula hutan kita jadi korbannya. Kompeni tu bukan kau tak tahu, mereka tebang saja pokok-pokok kecil untuk keuntungan semata-mata. Jika berlaku macam tu, hutan jadi gondol. Dan tanah hutan tu akan runtuh dibuatnya,” keluh Wahyu.

(Dahiri Saini, 2020, hlm.50)

Pembangunan yang tidak terancang bukan sahaja mengorbankan hutan tetapi boleh mengancam nyawa apabila berlaku tanah runtuh. Syarikat-syarikat yang terlibat hanya memikirkan laba semata-mata tanpa menghiraukan keseimbangan ekosistem hutan dan akibatnya kepada alam dan manusia. Penebangan hutan yang tidak terancang menyebabkan hutan menjadi gondol dan tanah runtuh mudah berlaku. Pembangunan yang tidak terancang juga mengakibatkan sumber pendapatan nelayan terjejas apabila berlakunya pencemaran bunyi dan sungai tercemar dengan sampah-sarap dan airnya berlumpur.

Isu ini juga diluahkan oleh watak Zahid sebagai nelayan yang terjejas sumber pencariannya apabila sungai tercemar. Sungai yang kotor dan bunyi bising jentolak menyebabkan ikan-ikan lari ke muara atau laut dan nelayan kecil yang diwakili Zahid tidak dapat meneruskan pencarian sumber rezekinya (Dahiri Saini, 2020). Pokok-pokok ditebang dan dibawa melalui sungai, menyebabkan air sungai keruh, cetek dan tercemar kerana timbunan pokok-pokok yang banyak. Wahyu turut

menyatakan bahawa “Semua pokok dihumban ke dalam sungai untuk dipunggah ke dalam kapal. Jadi arus sungai semakin deras, airnya tercemar, sampah-sarap penuh, ikan pun tahu pencemaran dan mereka lari ke hilir menuju ke muara,” panjang lebar penerangan Wahyu pada Dayang Kumunah (Dahiri Saini, 2020, hlm. 70). Kesannya, bukan hanya menjejaskan sumber rezeki manusia tetapi mengancam hidupan akuatik. Isu ini sewajarnya mendapat perhatian pihak-pihak berkenaan agar semua hidupan dapat menjalani survival dengan harmoni dan nasib golongan marhaen seperti golongan nelayan kecil terbela. Impaknya, sosioekonomi masyarakat akan terjejas sekali gus meningkatkan kadar kemiskinan dan mengheret mereka untuk berhutang.

Isu kemiskinan

Isu ini digambarkan menerusi keluarga Wahyu dan penduduk kampung Muara Sungai Rejang yang dibelenggu kemiskinan dan sesetengahnya dibelenggu hutang. Wahyu sendiri terpaksa membayar hutang tanah arwah ayahnya yang dipajakkan kepada Pengiran Biren, ayah kepada Sharif. Keberhutangan ini menyebabkan Sharif menguasai sumber rezeki Wahyu. Semua pendapatan hasil membelah kayu di hutan lebih banyak bergantung kepada Sharif apatah lagi Sharif sering mendesak dan menagih hutang daripada Wahyu. Kemiskinan menyebabkan hutang yang ditanggung Wahyu berlanjutan sehingga ke akhir hayatnya kerana dia tidak dapat membebaskan dirinya dari kepompong kekuasaan Sharif yang kaya-raya. Hutang ini juga menyebabkan suara Wahyu menjadi bisu dalam protes sosialnya terhadap tindak tanduk Sharif yang melanggar batas susila dan maruah kaum Melanau.

Wahyu mengekspresikan kemiskinan sebagai “Kemiskinan terlalu naif dan sombong, jika seseorang itu tak mampu menolaknya jauh-jauh daripada menghasut diri” (Dahiri Saini, 2020, hlm.26). Kemiskinan membelenggu dan memenjara Wahyu daripada menyuarakan protesnya dengan lantang, namun Wahyu nekad untuk bertahan. Wahyu bertahan demi maruah dan harga diri agar berupaya menebus hutang ayahnya. Belenggu hutang ini juga menyebabkan Sharif memperlakukan Wahyu tanpa belas kasihan. Wahyu hanya dapat bersabar walaupun tercabar dengan tindakan Sharif yang hendak menghalau keluarganya jika tidak dapat menyelesaikan hutang dalam masa terdekat. Wahyu tidak dapat memprotes tindakan Sharif kerana keluarganya bergantung kepada Sharif akibat hutang lama. Suaranya bergema dan tersekat dalam pita suaranya sendiri. Isu hutang menyebabkan Wahyu terperangkap dalam kepompong kemiskinan. Walaupun sukar, Wahyu tetap bertekad agar anak-anaknya berjaya dalam pendidikan untuk menebus hutang dan maruah keluarga mereka. Mana Sikana (1985) memperjelas bahawa ilmu pengetahuanlah yang dapat meninggikan taraf pemikiran dan ekonomi sesebuah bangsa. Kepentingan pendidikan turut ditegaskan oleh Mohamad Zuber Ismail, Sara Beden dan Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2015) bahawa pendidikan memainkan peranan yang penting dalam pembangunan sesebuah masyarakat dan negara. Melalui pendidikan, masyarakat berpeluang untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dalam keseluruhan bidang kehidupan yang mencakupi aspek keagamaan, adat istiadat, kebudayaan, kepercayaan, adat resam, falsafah pemikiran dan warisan seni dan tradisi dalam sesebuah masyarakat.

Isu pengkhianatan bangsa

Tanah ialah simbol kekuatan bangsa yang harus dipertahankan sebagaimana pesan Pengiran Nuah kepada Wahyu yang berbunyi, “Ingat Wahyu, tanah dan adat kita harus Wahyu pertahankan daripada dipersendakan oleh sesiapa (Dahiri Saini, 2020, hlm. xxxv). Pengarang membongkar isu ini menerusi watak Sharif yang boleh dilabel sebagai pengkhianat bangsa Melanau sebagaimana dalam petikan-petikan berikut:

“Memang dari dulu lagi arwah bapa dan Pengiran Biren telah berikrar tak akan menggadaikan tanah pusaka itu kepada orang lain, selain kaum Melanau sendiri. Dan apa yang abang ingat, arwah bapa akan menebus kembali tanah yang telah dipajakkan pada Pengiran Biren tu. Tapi, apa yang berlaku sebaliknya, apabila Sharif sudah kenal rapat dengan tauke Tung-Tung dari Sibit tu. Mereka seperti ada agenda tersembunyi untuk melenyapkan ikrar tersebut,” lambat-lambat.

(Dahiri Saini, 2020, hlm. 60)

Berdasarkan petikan tersebut, didapati watak Sharif telah mengkhianati kaum sendiri apabila berniat melanggar ikrar yang dimeterai Pengiran Nuah dan Pengiran Biren yang tidak akan menggadaikan tanah pusaka itu kepada orang lain, selain kaum Melanau sendiri. Sebaliknya, Sharif berusaha untuk melanggar ikrar tersebut apabila matanya dikaburi kemewahan setelah berkenal rapat dengan tauke Tung-Tung. “Sharif seperti kemaruk dengan kemewahan yang ditawarkan oleh tauke Tung-Tung itu.” Tuter Wahyu sambil mengetap bibirnya, (Dahiri Saini, 2020, hlm. 61). Tindakan Sharif ini bertentangan dengan etika, nilai dan norma hidup kaum Melanau yang mempertahankan tanah dan adat serta mengutamakan maruah, sebagaimana yang diajari Wahyu kepada anak-anaknya sejak dari sekolah rendah. Anaknya Lestari berpegang teguh terhadap prinsip tersebut, namun mengakui bahawa masih wujud kaumnya yang mengkhianati kaum sendiri sebagaimana yang dikisahkan dalam halaman 51. Kaum Melanau sendiri yang menggadai maruah dengan mengutamakan ketamakan demi memenuhi keinginan dan desakan untuk mendapat kekayaan dengan cara yang mudah. Kewujudan golongan ini bukan sesuatu yang luar biasa tetapi bersifat universal atau sarwajagat kerana wujud dalam masyarakat yang lain.

Golongan pengkhianat bangsa ini meletakkan maruah dan harga diri yang murah demi memenuhi tuntutan dunia semata-mata. Aspirasi Pengiran Nuah sebagai penakluk hutan dan lautan pada zamannya bahawa “Kaum Melanau akan membina jati diri sehingga generasi seterusnya” (Dahiri Saini, 2020, hlm. xxx) tidak akan menjadi realiti selagi golongan pengkhianat bangsa ini bermaharajalela. Pengaruh golongan ini akan meracuni minda generasi muda dan mengagalkan aspirasi mereka untuk membina jati diri terpuji. Pesanan Pengiran Nuah kepada Wahyu menunjukkan bahawa maruah dan harga diri kaum Melanau berkaitan dengan adat yang menjadi warisan bangsa yang seharusnya dipertahankan, bukan sesuatu yang boleh diperlekeh. Pengiran Nuah berpesan “Wahyu jangan sesekali menggadaikan maruah dan harga diri kaum kita, demi mengejar sesuatu yang akan memusnahkan adat dan maruah kaum kita. Ingat Wahyu, tanah dan adat kita harus Wahyu pertahankan daripada dipersendakan oleh sesiapa, (Dahiri Saini, 2020, hlm. xxxv). Pesanan ini mencitrakan kepentingan tanah dan adat sebagai warisan bangsa untuk diwariskan kepada generasi muda dalam pembentukan jati diri yang unggul. Tanah, adat dan maruah melambangkan ketinggian tamadun bangsa yang tidak boleh dikhianati. Sikap mengkhianati kaum sendiri seperti yang diwakili watak Sharif memberikan impak kepada sosiobudaya kaum tersebut. Rosnani Md Zain dan Nik Rafidah Nik Muhamad (2017) menyifatkan bahawa seseorang yang tidak mengamalkan adat dan budaya yang dipersetujui dalam masyarakatnya dianggap sebagai melanggar norma-norma hidup yang telah ditetapkan oleh masyarakat.

Isu kepincangan nilai moral

Nurshazeera Khazri & Che Abdullah Che Ya (2017) menegaskan bahawa masyarakat perlu mempunyai nilai moral dan nilai sosial yang baik supaya hubungan dengan pemerintah dan masyarakat sekeliling sentiasa baik. Impaknya, dapat membentuk akhlak yang baik sekali gus dapat menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang positif dan memiliki aspek kerohanian yang mulia. Dalam *MATPMT*, isu kepincangan moral dimanifestasikan oleh watak Sharif yang runtuh nilai moralnya kerana melayan tuntutan nafsu semata-mata. Cintanya kepada Dayang Kumunah berlandaskan nafsu semata-mata, bukan berpaksikan kejujuran dan keikhlasan. Sharif bertindak biadab, memaksa dan kurang ajar ketika hendak merogol Dayang Kumunah sebagaimana dalam petikan.

“Aku semakin sukakan kekerasan gadis Melanau seperti kau, Kumunah.” Sharif semakin dirasuk nafsu yang buas. Dia hendak membuka baju Dayang Kumunah dalam gelap, namun Dayang Kumunah sempat menyepak sekuat tenaganya di bawah celah kangkang Sharif serta menggigit tangannya sekali. Pegangan tangan Sharif terlepas. Sharif terjelepek mengerang kesakitan di dapur. Dia terus berlalu sambil menangis, apabila mengingati perlakuan Sharif yang biadap dan kurang ajar itu.

(Dahiri Saini, 2020, hlm.63)

Berdasarkan petikan, didapati Sharif telah runtuh nilai moralnya dan rosak sahsiahnya kerana mengutamakan hawa nafsu dan bertindak sebagai manusia yang hilang pertimbangan rasional.

Tindakan Sharif yang cuba memperkosa Kumunah merupakan perbuatan yang hina dan memalukan kaum Melanau. Perbuatannya menyebabkan Dayang Kumunah menganggap Sharif sebagai pencemar kaum *tuju' pikul* yang dihormati. Dalam novel ini, keruntuhan nilai moral turut diperlihatkan menerusi tindakan dua orang suruhan Sharif, iaitu Juak dan Muaz yang tidak memiliki sahsiah dan moral. Mereka sanggup mengambil upah daripada Sharif untuk melakukan kerja-kerja penganiayaan termasuklah membakar perahu Wahyu sehingga membawa kematian Wahyu. Kedua-duanya pernah diupah Sharif untuk meletakkan racun kulat dan racun serangga pada kayu yang dibelah Wahyu. Akibat menghidu racun kulat tersebut, Wahyu mengalami batuk-batuk dan kesihatannya terjejas perlahan-lahan. Kedua-dua mereka pakar menganiayai orang lain hasil mendapat upah daripada Sharif. Kedua-duanya digambarkan keruntuhan nilai moral apabila mereka menjalani kehidupan yang melanggar nilai dan ajaran agama, iaitu melanggan pelacur demi memenuhi tuntutan nafsu hasil daripada upah menganiayai orang lain. Berdasarkan petikan, "Dapatlah mereka berdua nanti bermalam seminggu di hotel di Sibul. Dan dapatlah mereka memenuhi tuntutan nafsu juga, Juak terus berfantasi" (Dahiri Saini, 2020, hlm. 280). Kewujudan manusia yang runtuh akhlak dan nilai moralnya seperti watak Sharif, Juak dan Umaz yang menjadi perosak dan 'racun' dalam masyarakat memperlihatkan unsur yang tidak sihat dari segi keagamaan dalam perkembangan sosial selain mencemarkan maruah bangsa. Suraidah Othman (2010) menjelaskan bahawa perubahan tingkah laku segelintir masyarakat yang tidak lagi mengikut sistem sosial yang normal, menyebabkan berlakunya perubahan nilai masyarakat yang positif kepada negatif. Secara tersiratnya, pengarang memperagakan karakter mereka sedemikian sebagai saluran kritikan dan sindiran agar dapat memberikan pengajaran kepada masyarakat.

Kesan Teks kepada Khalayak

Mana Sikana (2009) memperjelaskan bahawa kesan pengaruh boleh ditelusuri menerusi kesan positif dan negatif yang mempengaruhi cara hidup masyarakat selain memberi kesan yang membina. Setelah meneliti dan menghayati novel *MATPMT*, didapati novel ini berupaya memberikan implikasi kepada pembaca. Novel ini berupaya menjentik sensitiviti pembaca kerana simpati dan kesal akan nasib yang menimpa Wahyu. Khalayak pembaca berasa sangat sedih dan pilu apabila watak Wahyu meninggal dalam keadaan yang tragis. Tragedi pembakaran perahu milik Wahyu, telah meragut nyawa Wahyu yang "dijaga" pengarang dari bab 1 sehingga bab 15. Kematian Wahyu menyebabkan keterujaan pembacaan terganggu, mengundang variasi rasa seperti sedih, pilu, duka dan kesal kerana seolah-olah cerita sudah berakhir. Kemungkinan khalayak tidak menyangka kejadian tragis itu mematikan watak Wahyu dalam sekelip mata. Walaupun pengarang sudah memberikan bayangan tentang masalah kesihatan Wahyu sejak dari bahagian pengenalan dalam plot cerita, namun sukar untuk menerima kematian Wahyu secara mendadak dalam tragedi tersebut. Peristiwa ini meninggalkan kesan jiwa dan emosi yang negatif kepada pembaca kerana kesal dan simpati dengan tragedi yang menimpa Wahyu walaupun Wahyu berjaya menunaikan janji kepada ayahnya Pengiran Nuah untuk membina perahu "Badong" sehingga selesai. Kematian Wahyu juga memberikan kejutan kepada pembaca apabila pengarang menggunakannya sebagai teknik penceritaan. Kejutan berlaku apabila khalayak tidak menyangka bahawa Wahyu terkorban ketika perahunya dibakar. Pembaca juga akan tertanya-tanya, kenapa pengarang mematikan watak Wahyu dengan tragis pada bab 15? Kekesalan khalayak terbit kerana perasaan sayang yang mendalam kepada watak Wahyu sebagai golongan marhaen yang memartabatkan adat warisan bagi mewakili kaum Melanau yang penuh dengan sikap tabah dan cekal. Walau bagaimanapun, kematian Wahyu tidak "mematikan" amanatnya dan ayahnya Pengiran Nuah yang menjadi ikon kepada perjuangan masyarakat Melanau dalam melestarikan warisan tradisi nenek moyang.

Kesan lain diteliti dari sudut nilai mesej bersifat didaktik yang amat signifikan dalam karya ini. Anak-anak Wahyu dan Dayang Kumunah dibekalkan pengarang dengan kekuatan mental dalam menghadapi cabaran hidup hasil daripada prinsip hidup "Melanau tidak mudah mengalah" sebagaimana yang sering dipesan oleh bapa mereka. Kecekan hati dan kekuatan minda kedua-dua anak mereka sewajarnya menjadi suriteladan kepada kaum Melanau khususnya dan masyarakat lain secara amnya. Cabaran dan kemiskinan bukanlah tembok penghalang yang tidak dapat "dipecahkan" jika seseorang memiliki kekuatan minda dan kecekan hati. Sikap mengutamakan pendidikan anak-anak yang dimanifestasikan oleh watak Pengiran Nuah dan Wahyu yang sewajarnya menjadi prinsip hidup dan dicontohi sesebuah masyarakat untuk maju dan membangun. Walaupun ada ketikanya Lestari dan

Firman goyah kerana memikirkan kesusahan dan bebanan yang ditanggung ayah mereka, namun kekuatan itu tetap bertahan apabila bapa mereka Wahyu tetap berdegil dan berpegang pada prinsip hidupnya agar mereka meneruskan pengajian. Prinsip tidak mudah mengalah diperlihatkan oleh pengarang menerusi ikrar watak Wahyu dan ayahnya suatu ketika dahulu sebagaimana dalam petikan “Wahyu tak akan menghampakan apa yang pernah kita sama-sama janjikan, bahawa kaum Melanau, bukan kaum yang mudah mengalah pada keadaan” (Dahiri Saini, 2020, hlm. 3). Prinsip hidup ini menjadi pegangan Wahyu dalam menghadapi cabaran untuk memastikan anak-anaknya meneruskan kelangsungan pelajaran ke peringkat lebih tinggi agar masa depan mereka terjamin. Pandangan dan prinsip hidup Wahyu terhadap pendidikan memperlihatkan kejayaan yang besar apabila anak seorang pembelah kayu di hutan berjaya menjadi jurutera dan doktor. Firman telah berjaya sebagai jurutera pembangunan dan terkenal. Ir. Pengiran Firman bin Pengiran Wahyu seorang jurutera yang cukup disegani di rantau Asia Tenggara malahan pernah memenangi anugerah *ABU Engineering Industry Excellence Award 2017*. Lestari pula berjaya menjadi seorang doktor dan bertugas di Hospital Sibul. Kejayaan kedua-dua anak Wahyu ini juga menandakan bahawa salasilah Pengiran Nuah, merupakan kaum Melanau yang berjaya memartabatkan bangsa mereka menerusi pendidikan sehingga dihormati dan disegani. Wahyu bersikap optimis kerana tidak mahu anak-anaknya “terpasung” dalam hutan untuk mencari kehidupan yang tidak menentu sumber pendapatannya. Suhaimi Abdul Aziz (2011) dalam penelitiannya terhadap novel *Laskar Pelangi* karya Andrea Hirata mendapati bahawa masyarakat di Belitong, kebanyakannya pesimis sehingga pendidikan anak-anak mereka terabai dan ramai yang menjadi buruh akibat cengkaman kemiskinan. Fenomena ini berbeza dengan watak Wahyu yang memiliki wawasan untuk melihat generasinya menjadi generasi penerus yang berilmu dan berpendidikan walaupun banyak rintangannya. Wahyu menyatakan bahawa “Aku tak akan mengalah pada rasa sakit ini” (Dahiri Saini, 2020, hlm. 8). Mesej ini memiliki hikmahnya tersendiri yang berupaya mentransformasi minda khalayak dengan memberikan pengaruh yang positif agar khalayak membuat anjakan paradigma dengan mengutamakan pendidikan selain berjuang demi kemajuan hidup, kemajuan keluarga, masyarakat, bangsa dan negara.

Pembacaan terhadap karya ini juga memberikan pengaruh positif kepada sesebuah masyarakat dalam mempertahankan hak, adat dan maruah bangsa yang amat signifikan. Perkara ini ditonjolkan oleh pengarang berulang-ulang kali menerusi watak Pengiran Nuah, Wahyu dan anak-anak Wahyu. Adat, tanah, maruah dan tatasusila menjadi inti pati kehidupan yang wajib dipelihara dan dijaga dengan sebaik-baiknya agar tidak mencemarkan nama baik kaum mereka. Wahyu menyamakan tanah dengan harga diri yang harus dijaga sebagaimana ungkapannya “Tanah adalah harga diri yang harus kita jaga, Kumunah” (Dahiri Saini, 2020, hlm. 61). Hal ini bermakna pengabaian pada tanah akan mencemarkan maruah dan harga diri kaum Melanau. Kata-kata azimat daripada Pengiran Nuah sering menghiasi fikiran Wahyu yang berbunyi “Jika kita kehilangan tanah dan adat, kita akan kehilangan segala-galanya, Wahyu. Tanah adalah maruah dan kehidupan mutlak kita” (Dahiri Saini, 2020, hlm.164). Amanat dan azimat yang disuarakan Pengiran Nuah memperjelaskan bahawa tanah ialah simbol kekuatan bangsa yang harus dipertahankan oleh kaum Melanau. Watak-watak ini memberikan kesan yang positif kepada minda khalayak untuk berfikir dan membuat perenungan. Usaha mempertahankan warisan bangsa suatu pengaruh yang positif kerana melibatkan jati diri dalam memartabatkan khazanah, memelihara tatasusila dan maruah bangsa.

Asmiaty Amat (2011) menegaskan bahawa karya sastera tidak dapat dimengerti sepenuhnya jika terpisah daripada lingkungan dan kebudayaan tempatnya dicipta. Dalam *MATPMT*, warisan budaya tradisi untuk melestarikan adat kaum Melanau diperlihatkan pengarang menerusi perjuangan terhadap pematuhan dan pelestarian adat dalam upacara perkahwinan masyarakat ini. Pengarang masih mengekal dan mendokumentasikan adat dan upacara perkahwinan dalam naratif penceritaannya walaupun sebahagian besar kisah ini berlatarkan zaman kontemporari. Perkara ini menzahirkan usaha pengarang dalam melestarikan warisan tradisi nenek moyang kaum Melanau walaupun kehidupan masyarakat sudah serba serbi moden. Penyerahan adat perkahwinan juga digambarkan pengarang dalam karya ini dengan rinci apabila pihak keluarga Firman menyerahkan adat perkahwinan, iaitu hadiah dalam bentuk mas kahwin, iaitu *penyekab*, *berian* dan hadiah lain seperti *adat menuga*, *adat mebin* dan *pakan* kepada pengantin perempuan. Pasangan pengantin juga menjalani adat *petudui*, iaitu penyerahan pelbagai barang. Antaranya termasuklah sebetuk cincin emas dan seutas gelang perak oleh wakil pengantin lelaki kepada pengantin perempuan. Upacara makan *nasi temuan* (acara makan nasi pengantin antara pasangan), upacara bergendang, iaitu majlis tari-menari turut diadakan dengan syarat

yakni lelaki berpasangan sesama lelaki dan perempuan dengan perempuan. Pada hari ketujuh, diadakan upacara membebaskan pasangan pengantin daripada pantang yang disebut *palei*. *Palei* ialah pantang larang berkaitan dengan kejadian yang menimpa nenek moyang mereka sehingga menyebabkan mereka disumpah menjadi binatang tersebut (Dahiri Saini, 2020). “Kaum kita, kaum yang penuh dengan adat dan susila, malah, bahasa kita bahasa yang menyatukan nusantara ini, sehingga ke tanah besar” (Dahiri Saini, 2020, hal. xxxvi), merupakan ungkapan keramat Pengiran Nuah yang mencitrakan kebanggaannya terhadap “kuasa” yang dimiliki kaum Melanau dalam menyatukan nusantara. Adat dan tatasusila seharusnya dipelihara dan dijaga kerana melambangkan maruah dan ketinggian ketamadunan bangsa agar disegani dan dihormati. Usaha mempertahankan warisan tradisi menjadi agenda yang amat penting kepada kaum Melanau kerana warisan tradisi membuktikan kewujudan sesuatu tamadun bangsa yang berdaulat dan disegani. Tindakan ini juga mencitrakan bahawa adat, warisan dan akar budaya bangsa tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan sesebuah bangsa walaupun zaman sudah beranjak. Watak Firman (anak Wahyu dan Dayang Kumunah) yang berkahwin dengan Dr. Marion Pacral (seorang warga Rusia yang memeluk Islam) tidak mengesampingkan adat perkahwinan masyarakat Melanau, malahan bangga dengan warisan tradisi ini.

Penerapan prinsip-prinsip hidup yang positif, tindak-tanduk dan karakter para watak memberikan kesan kepada khalayak dan berupaya menjadi teladan serta pengajaran bermakna kepada masyarakat Melanau khususnya dan masyarakat lain amnya. Sebagai masyarakat yang bijak, kita berupaya menilai sama ada sesuatu itu kaca atau permata, baik atau buruknya mahupun benar atau nihil. Ratna (2003) menegaskan bahawa karya sastera memiliki tujuan akhir yang sama, iaitu sebagai motivator ke arah aksi sosial yang lebih bermakna dan sebagai pencari nilai kebenaran yang dapat mengangkat dan memperbaiki situasi dan situasi alam semesta dan masyarakat.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan, jelas menzahirkan idealnya perjuangan kaum Melanau dalam mendepani kepincangan dan permasalahan dalam masyarakat mereka. Penyuaran pengarang tentang isu-isu sosial sebagai protes sosial merupakan kritikan terhadap kepincangan dari aspek sosiobudaya dan sosioekonomi yang berlaku. Justeru, pengarang berhasrat untuk menarik perhatian pihak berkepentingan agar memberi perhatian dan membantu membanteras kepincangan yang wujud dalam masyarakat atas faktor berupaya memundurkan tahap kehidupan masyarakat seluruhnya. Dahiri menggunakan kelebihan kepengarangannya bagi melontarkan kritikan terhadap kepincangan yang berlaku di samping menyajikan senario kehidupan masyarakat desa yang diwakili kaum Melanau yang gigih dan cekal meneruskan kehidupan. Kritikan ini ada motifnya tersendiri, iaitu untuk membuka mata para pemimpin dan ahli masyarakat tanpa mengira umur dan status untuk bangkit membetulkan keadaan. Impaknya, masyarakat ada ruang dan peluang untuk berubah kepada yang positif demi pembangunan keluarga, masyarakat dan negara. Jika disorot, ternyata buah tangan Dahiri Saini ini berjaya mengungkap dan merincikan perjuangan masyarakat Melanau sekali gus memperlihatkan usaha untuk melestarikan warisan tradisi masyarakat Melanau. Kaum Melanau dalam *MATPMT* digambarkan menitikberatkan perjuangan mempertahankan warisan tradisi mereka walaupun terpaksa berhadapan dengan pelbagai ranjau sehingga terpaksa berkorban harga nafas. Maruah bangsa dan harga diri disamakan tarafnya dengan tanah warisan yang diwarisi turun-temurun. Warisan bangsa inilah yang diperjuangkan oleh ikon kaum Melanau, iaitu Pengiran Nuah, Wahyu dan anak-anaknya sehingga berjaya membuktikannya apabila berjaya dalam bidang pendidikan dan kerjaya. Pendidikan meninggikan aras pemikiran generasi seterusnya dalam kalangan masyarakat Melanau agar mereka bergerak seiring dengan kemajuan dan menyumbangkan jasa untuk memartabatkan maruah kaum mereka di bumi yang dipijak. Perjuangan kaum Melanau menjadi lebih signifikan apabila wujudnya desakan, kemelut dan pergolakan sosial di sekitar mereka.

Sosiologi merungkai aspek kemasyarakatan dari pelbagai sudut yang akhirnya menjadi dokumentasi sosial yang berupaya membangunkan masyarakat menerusi perjuangan mereka mempertahankan warisan tradisi. Suara pengarang menerusi isu-isu sosial sebenarnya hendak membuka mata dan mendapat perhatian pihak-pihak berkenaan agar kehidupan sesebuah masyarakat dalam era globalisasi ini beranjak menjadi bangsa yang lebih progresif, produktif, dinamis dan berdaya saing.

Teori Sosiologi sememangnya berkeupayaan merincikan perjuangan sosial masyarakat Melanau dalam *MATPMT* yang sudah semestinya tidak dapat dipisahkan daripada sistem dan kitaran kehidupan mereka. Sosiologi memanifestasikan penjelasan yang dinamik dan optimis tentang kandungan teks sastera dan konteks yang mengelilinginya dan diyakini berperanan signifikan dalam penghasilan karya sastera.

RUJUKAN

- Auguste Comte. (1798). "Sosiologi Sastera" dalam *Koleksi Teori sastera klasik, tradisional, moden, pascamoden dan tempatan*. Bandar Baru Bangi: Pustaka Karya.
- Al-Fatihah Md Adnan & Normaliza Abd Rahim, (2014). Kritikan sosial dalam filem Melayu Zombi Kampung Pisang. *Journal of Business and Social Development*, 2 (2), 62-73.
- Ani Omar, (2015). Kajian sosiologi bahasa dalam puisi-puisi Dharmawijaya. *Jurnal Peradaban Melayu*. 10, 16-24.
- Asmiaty Amat, (2011). Ngayau sebagai sebuah novel berwarna tempatan: Satu kajian sosiologi sastera. *MANU*. 17, 39–56.
- Aziz Dwi Prakoso, (2012). Kritikan sosial dalam novel detik-detik cinta menyentuh karya Ali Shabab sebuah tinjauan sosiologi teks. *Jurnal Skripsi*. 2(1), 16-31.
- Che Abdullah Che Ya, (2011). Protes Sosial Dalam Anum Ranum: Suara Hati Seorang Pengarang. *Jurnal Melayu*. 8, 133 – 151.
- Dahiri Saini. (2013). *Loagan Bunut*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dahiri Saini. (2015). *Pasungan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dahiri Saini. (2017). *Anak Kejaman Long Segaham*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dahiri Saini. (2020). *Melanau aku tidak pernah menolak takdirnya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faziela Abu Bakar @ Che Din dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, (2015) Unsur emosi dalam novel Komsas. *Pendeta: Jurnal Bahasa, Pendidikan dan Sastera Melayu*, 6, 72-97.
- Haron Daud. (1998). Aspek sosiologi dalam novel Salina. *Jurnal Pengajian Melayu*, 8, 194-204.
- Hashim Awang. (1997). *Kritikan kesusasteraan teori dan penulisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus dewan edisi keempat*. (2019). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (1985). *Tanggapan sastera*. Kuala Lumpur: Karya Bistari Sdn. Bhd.
- Mana Sikana. (2007). *Tokoh-tokoh unggul dalam sastera Melayu*. Singapura: Pustaka Karya.
- Mana Sikana. (2009). *Kritikan sastera Melayu moden*. Selangor: Pustaka Karya.
- Mohamad Zuber Ismail, Sara Beden & Mohamad Mokhtar Abu Hassan, (2015). Keintelektualan pemikiran Melayu dalam cerita lipur lara: Penelitian awal berdasarkan perspektif pendekatan pengurusan. *Journal of Business and Social Development*, 3 (2), 1-16.
- Morris, H. S., (1989). The Melanau an ethnographic overview. *Sarawak Muzeum Journal*, 40 (61), 181-187.
- Nasir, M. (1992). *Metodologi penelitian*. Jakarta: Usaha Nasional.
- Noor Salawati Abu Bakar, Zubir Idris dan Shaiful Bahri Md. Radzi, (2021). Perspektif sosio ekonomi masyarakat dalam novel-novel terpilih karya Azizi Abdullah. *Jurnal Melayu*, 20 (1), 170-183.
- Nurshazeera Khazri & Che Abdullah Che Ya, (2017). Kritikan sosial dalam Embargo: Satu penelitian satira. *Jurnal Wacana Sarjana*, 1(1), 1-16.
- Ratna Nyoman Khuta. (2003). *Paradigma sosiologi sastra*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Ratna Nyoman Khuta. (2007). *Teori, metode, dan teknik: Penelitian sastra*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Rosnani Md Zain dan Nik Rafidah Nik Muhamad, (2017) Fenomena sosial dalam novel *Nenek* karya Razali Endun. *Pendeta: Journal of Malay Language, Education and Literature*, (8), 82-95.
- Sapardi Djoko Damono. (1979). *Sosiologi sastra sebuah pengantar ringkas*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, Departmen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Sara Beden. (2016). *Suara dari Rimba* karya Jong Chian Lai dari perspektif jendela sosiologi. Dalam *Ruangan Bahasa & Sastera 'Yang Indah Itu Bahasa' Akhbar Utusan Borneo*, Isnin, 16 Mei.
- Sara Beden. (2020). *Pindah* dari dimensi sosiologi. Dalam *Ruangan Bahasa & Sastera 'Yang Indah Itu Bahasa' Akhbar Utusan Borneo*, Isnin, 24 Februari.
- Sohaimi Abdul Aziz, (2011). Laskar pelangi: Satu penelitian adaptasi novel ke filem. *The Asian Journal of Humanities*, 18 (1), 35-52.
- Suraidah binti Othman. (2010). Kritikan sosial dalam drama-drama Mohamed Ghouse Nasruddin. Tesis yang tidak diterbitkan), Universiti Putra Malaysia.
- Talib Selamat. (2010). *Isu-isu terpilih dalam nazrah perkembangan novel Melayu terkini*. Tanjong Malim: Penerbit Emeritus Publications.
- Tarigan. (1994). *Membaca ekspresif*. Bandung: Angkasa.

- Ungku Maimunah Mohd. Tahir, (2006). Pemahaman dan penerapan sosiologi sastera dalam sastera Melayu moden. *Jurnal Akademika*, 69, 3 – 16.
- Zubir Idris, (2011). Etnosentrisme Melayu dalam Sulalatus Salatin. *Jurnal Melayu*,7, 107-120.